

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**DARIPADA** : **DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM [ KUALA SELANGOR ]**

**SOALAN** : **Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membangunkan Indeks Kesejahteraan Sosial Nelayan khusus untuk mengukur kesejahteraan sosial nelayan yang sebenar termasuk mengambil kira pendapatan perkapita mereka dalam usaha mengiktiraf peranan nelayan yang menjaga ekonomi negara.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sedang menjalankan Indeks Kesejahteraan Sosial Nelayan melalui Kajian Impak Projek Pembangunan Masyarakat Nelayan 2013.

Kajian Impak Projek Pembangunan Masyarakat Nelayan 2013 ini adalah bagi mengukur tahap kesejahteraan sosial nelayan melalui peningkatan

taraf hidup yang terdiri daripada tahap pendapatan, peluang pekerjaan, taraf pendidikan dan juga pemilikan harta. Kajian ini sedang dalam proses penulisan oleh UPM Holdings dan hasil akhir masih belum diperolehi. Hasil kajian ini nanti akan menunjukkan kesan / impak beberapa program kepada nelayan seperti berikut:

1. impak subsidi ke atas taraf hidup nelayan;
2. impak Program Bantuan Elaun Sara Hidup kepada nelayan;
3. impak pemberian dana pinjaman ke atas pengusaha / nelayan; dan
4. impak Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) kepada masyarakat nelayan.